

**Nama, Alamat Pencetak/Parti Syarat Bagi Bahan Kempen Dipasang – SPR  
Bernama  
1 Ogos, 2012**

KUCHING, 1 Ogos (Bernama) -- Semua calon yang bertanding pada pilihan raya umum ke-13 yang akan datang perlu mematuhi peraturan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk meletakkan nama dan alamat pencetak serta parti politik masing-masing pada semua bahan kempen.

Ini bagi mengelakkan berlakunya kejadian rasuah, kata pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Beliau berkata syarat berkenaan, yang meliputi semua bahan kempen yang dipasang, dipamerkan dan diedarkan, adalah untuk tujuan semakan pihak polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mahu mengesan dengan pencetak, siapa yang membayar bil dan sebagainya.

"Jika ada perkara yang tidak betul kepada poster berkenaan kita tahu siapa yang bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas majlis pertemuan SPR bersama pemimpin parti politik dan media di sini Rabu.

Mengikut subseksyen 11 (1)(c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, SPR turut mempunyai kuasa untuk memindah bahan kempen berkenaan, katanya.

Beliau berkata dalam perbincangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa undang-undang itu hendak dipinda, memang ada yang mengatakan boleh berlaku rasuah dalam penggunaan bahan kempen, umpamanya bahan kempen dibayar oleh orang tertentu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684872>





